

**Minyak Dari Malaysia Tampung Kekurangan Bekalan Warga Sebatik  
Bernama  
Ogos 11, 2011  
Oleh Ahmad Fuad Yahya**

JAKARTA, 11 Ogos (Bernama) -- Warga Pulau Sebatik, Kalimantan Timur masih mengharapkan bahan bakar minyak dari Tawau, Malaysia bagi menampung kekurangan bekalan bahan itu dari sumber tempatan.

Ketua Kampung Seberang, mukim Sebatik Hambali Someng berkata ada lima peruncit di kampung itu yang membawa masuk kira-kira 100 liter minyak sehari dari Tawau ia dijual Rp6,000 seliter (kira-kira RM2.15) di Sebatik.

"Kalau hanya mengandalkan minyak dari Pertamina (syarikat minyak nasional Indonesia), tak cukup. Maka kami ambil dari Tawau," kata Hambali seperti yang dipetik dalam laporan akhbar harian Kompas pada Khamis.

Laporan itu tidak menyebut jenis bahan bakar minyak yang dibawa masuk itu, sama ada petrol atau diesel.

Hambali percaya warga Sebatik tidak akan menghadapi kekurangan bahan bakar minyak menjelang sambutan hari raya Aidilfitri nanti selagi bekalannya masih dapat diperolehi dari Malaysia.

Stesen minyak yang satu-satunya di pulau itu dilaporkan sering ditutup akibat ketiadaan bekalan.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=607513>